

09/07/2004

`Saya tidak harap laluan kerana anak Mahathir'

ALOR STAR: Datuk Mukhriz Mahathir yang akan bertanding jawatan Ketua Pemuda Umno bahagian Kubang Pasu petang ini, menyifatkan ia sebagai pertandingan terbuka dan tidak mengharapkan `laluan' hanya kerana beliau anak bekas Perdana Menteri.

Beliau menganggap pencabarnya, Zulkifli @ Md Ros Ahmad juga mempunyai kekuatan berdasarkan jumlah pencalonan yang diperoleh dan khidmat yang pernah diberikan kepada bahagian itu.

"Saya menganggap pertandingan ini sebagai lambang demokrasi dalam parti dan terbuka. Saya tidak meminta diberi laluan hanya kerana anak bekas Perdana Menteri," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata jumlah pencalonan yang hampir seimbang membuktikan ahli akar umbi bersifat terbuka untuk membuat keputusan tanpa ada sentimen lain.

"Ahli akar umbi sebelum ini menunjukkan mereka bebas memilih siapa saja yang difikirkan layak untuk menerajui Pemuda bahagian," katanya.

Beliau berkata walaupun tidak dapat menghalang masyarakat daripada mengaitkan dirinya dengan Tun Dr Mahathir Mohamad, penampilannya pada pertandingan itu adalah dengan caranya sendiri.

"Saya kini berusia 40 tahun. Sebelum ini bapa tidak membenarkan kami aktif dalam politik kerana dikhuatiri orang menganggap cuba membentuk dinasti. Sekarang, saya terpaksa bekerja sendiri untuk meraih sokongan," katanya yang yakin pertandingan akan berlangsung dengan baik.

Anak kelima Dr Mahathir itu memperoleh 42 daripada 85 pencalonan, manakala Zulkifli memperoleh 34 pencalonan selepas mesyuarat cawangan selesai 30 Jun lalu.

Pertandingan itu adalah cubaan pertama Mukhriz dalam jawatan tertinggi parti. Beliau juga menawarkan diri untuk jawatan Exco Pemuda Pusat pada September ini.

Sementara itu, Zulkifli berkata beliau tidak gusar walaupun lawannya dikaitkan dengan bekas Perdana Menteri kerana yakin mampu menerajui Pemuda bahagian itu berikutan hubungan baik dengan ahli.

"Saya juga aktif dalam bahagian dan program yang anjurkan Pemuda," katanya.

(END)